

Banjir kilat

8/11

Hujan lebat hampir dua jam bermula 5 petang, semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di sekitar ibu kota kerana dinaiki air sedalam 0.2 meter.

Hujan lebat itu menyebabkan air di Sungai Bunus melimpah mengakibatkan kesesakan di beberapa lebuhraya dan laluan utama di pusat bandar termasuk Jalan Sultan Ismail, Jalan Tun Razak, Jalan Parlimen, Jalan Ampang, Jalan Syed Putra, Jalan Mahameru, Jalan Bangsar, Jalan Pahang, Brickfields dan Pantai Baru.

Jurucakap polis Trafik Jalan Bandar, berkata kesesakan teruk berlaku di laluan yang dinaiki air itu.